



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL 2/2022

**PENGECUALIAN PENUH DAN KEMUDAHAN BAYARAN BALIK
CUKAI PERKHIDMATAN KEPADA SYARIKAT OPERATOR JOINT DEVELOPMENT
AREA (JDA)**

1. Berkuat kuasa mulai 15 Ogos 2022, Menteri Kewangan selaras dengan subseksyen 34(3)(b) Akta Cukai Perkhidmatan 2018 telah menetapkan bahawa syarikat operator Joint Development Area (JDA) **diluluskan kemudahan bayaran balik cukai perkhidmatan** yang telah dibayar ke atas **semua perkhidmatan bercukai** yang disenaraikan di dalam Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 tertakluk kepada perkara berikut:
 - i. Perkhidmatan yang terlibat mestilah yang digunakan sepenuhnya bagi **tujuan rasmi** syarikat operator JDA serta merupakan **keperluan utama dan penting di dalam urusan dan operasi harian JDA**. Perkhidmatan yang digunakan bagi kegunaan tidak rasmi/ persendirian/peribadi tidak layak mendapat bayaran balik cukai perkhidmatan;
 - ii. Bagi tujuan kawalan dan penyelarasan, syarikat operator **perlu membuat pengisytiharan** dan **Malaysia-Thailand and Joint Authority (MTJA)** **perlu membuat pengesahan** bahawa sesuatu perkhidmatan tersebut digunakan sepenuhnya bagi tujuan rasmi syarikat operator JDA;
 - iii. Perolehan dibayar oleh syarikat operator JDA;
 - iv. Permohonan kemudahan bayaran balik cukai perkhidmatan hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah Kastam dalam apa-apa tempoh yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Kastam; dan
 - v. Mematuhi apa-apa syarat dan prosedur lain yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Kastam.
2. Bagi maksud subperenggan 1(iv) di atas:
 - i. Permohonan kemudahan bayaran balik cukai perkhidmatan hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah Kastam **setiap tiga (3) bulan (quarterly basis)**. Permohonan tuntutan bayaran balik hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada hari terakhir dalam bulan berikutnya selepas berakhirnya tiga (3) bulan tersebut seperti berikut:

No.	Tempoh Perolehan Perkhidmatan	Tarikh akhir permohonan tuntutan bayaran balik cukai perkhidmatan
1	15 Ogos 2022 – 30 September 2022	31 Oktober 2022
2	01 Oktober 2022 – 31 Disember 2022	31 Januari 2023
3	01 Januari 2023 – 31 Mac 2023	30 April 2023
4	Setiap tiga (3) bulan berikutnya	Tidak lewat daripada hari terakhir bulan berikutnya selepas berakhirnya tiga (3) bulan tersebut

- ii. Tuntutan yang dikemukakan selepas tempoh tersebut tidak akan diproses untuk tuntutan bayaran balik.
3. Tiada **pengecualian cukai perkhidmatan diberikan ke atas pengimportan perkhidmatan bercukai termasuk cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan digital (SToDS)** yang diberikan oleh penyedia perkhidmatan asing berdaftar (*foreign registered person*) kepada MTJA dan syarikat operator JDA.
 4. Dengan berkuatkuasa Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 2/2022 ini, maka pengecualian cukai perkhidmatan secara *upfront* yang diberikan sebelum ini melalui **Dasar Cukai Perkhidmatan Bil 1/2021 adalah terpakai sehingga 14 Ogos 2022.**

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI
IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUTRAJAYA